

19 DEC 1996

Mahathir-IT

MALAYSIA TIADA PILIHAN KECUALI CEBURI INDUSTRI TEKNOLOGI MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak mempunyai pilihan kecuali turut menceburkan diri dalam industri Teknologi Maklumat (IT) bagi mengelakkan rakyat dan negara ini ketinggalan dalam arus kepesatan pembangunan teknologi itu.

Perdana Menteri berkata jika Malaysia tidak mengambil bahagian dalam perkembangan teknologi itu, rakyat dan negara bukan sahaja akan berada dalam keadaan kerugian malah seolah-olah dijajah semula oleh golongan yang menguasai IT.

"Kita terpaksa masuk bidang ini. Saya akui memang ada baik dan buruknya sama seperti pisau yang boleh digunakan untuk membuat ukiran yang cantik dan membunuh.

"Terserah kepada kita untuk menentukan yang mana baik dan yang mana buruk. Kalau kita yang salahgunakannya, jangan pula kita salahkan IT," katanya ketika menjawab soalan yang dikemukakan seorang peserta persidangan video sempena perasmian persidangan dan pameran Infotech Malaysia '96 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Persidangan video anjuran Telekom Malaysia itu menghubungkan Perdana Menteri dengan tujuh lokasi di luar Kuala Lumpur -- Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di Skudai, Johor; Universiti Utara Malaysia (UUM) di Sintok, Kedah; Institut Teknologi Mara (ITM) di Bandar Jengka, Pahang; Universiti Sains Malaysia (USM) di Minden, Pulau Pinang; Unit Pemodenan Tadbiran Awam Malaysia (MAMPU) di Kota Kinabalu, Sabah; Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Kota Samarahan, Sarawak; dan Kolej U gama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) di Kuala Terengganu, Terengganu.

Yang turut hadir Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding, Ketua Menteri Sabah Datuk Yong Teck Lee, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim dan Setiausaha Tetap Majlis Teknologi Maklumat Negara Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen, yang juga Presiden dan Ketua Eksekutif MIMOS Bhd.

Yong menghadiri perasmian itu melalui persidangan video yang dihubungkan dengan pejabat MAMPU di Kota Kinabalu manakala Shahidan berada di UUM.

Ketika menjawab soalan peserta dari UUM, Ismail Yusof, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak perlu menggubal dasar baru seperti Dasar Pembangunan Manusia bagi membolehkan rakyat negara ini menyesuaikan diri dengan IT.

Katanya IT bukanlah sesuatu yang baru sehingga memerlukan Malaysia menggubal undang-undang khusus bagi membolehkan rakyat menangani kesan kemajuan yang dibawa industri itu.

"Apa yang kita perlukan ialah setiap lapisan rakyat mengekalkan nilai dan etika murni bagi memastikan kemajuan yang pesat tidak merosakkan nilai-nilai baik yang sedia ada," katanya.

Ketika menjawab soalan mengenai penekanan yang perlu diberikan oleh universiti tempatan bagi menjayakan matlamat kerajaan dalam industri IT, Perdana Menteri berkata soal kefahaman untuk menggunakan IT secara berkesan perlu diberi perhatian.

Katanya tiada gunanya kerajaan menubuhkan Koridor raya Multimedia (MSC) jika rakyat sendiri tidak mendapat manfaat kerana ketiadaan kefahaman untuk menggunakan IT secara berkesan.

Kepada soalan seorang penuntut tahun akhir kursus IT di UTM, Dr Mahathir berkata pelajar-pelajar bidang itu amat bertuah kerana berpeluang

menuntut ilmu berkaitan dengan IT ketika masih muda berbanding dengan generasi sebelum mereka yang kini terpaksa mengorientasikan semula pemikiran supaya sesuai dengan kecanggihan zaman IT.

Menjawab soalan yang dikemukakan seorang peserta yang berada di pejabat MAMPU di Sabah, Dr Mahathir berkata tidak ada negeri di Malaysia yang tidak akan mendapat manfaat daripada pembangunan MSC di kawasan seluas 15 km x 50 km persegi antara Kuala Lumpur City Centre (KLCC) serta Putrajaya dan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

"Tak gunalah kalau kita boleh berhubung dengan New York tetapi dengan Sabah tidak boleh. Oleh itu, Sabah sendiri hendaklah bersedia menghubungkan negeri itu dengan MSC," katanya.

Ketika menjawab soalan seorang peserta yang berada di Dewan Merdeka pula, beliau berkata kerajaan bersedia mendengar apa juga pandangan yang boleh membantu menjayakan agenda IT Malaysia. -- BERNAMA.

AH RON